

**PELAN PERANCANGAN STRATEGIK
PEJABAT SETIAUSAHA,
SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN
TAHUN 2016-2020**

KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
KANDUNGAN	2
PENGENALAN	3
FUNGSI SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN	3
FUNGSI PEJABAT SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN	4
MISI, VISI DAN OBJEKTIF PEJABAT SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN	5
CABARAN DAN ISU-ISU STRATEGIK	6
TERAS STRATEGI	8
STRATEGI PELAKSANAAN	10
PENUTUP	10
LAMPIRAN A1-A2	11 - 12
LAMPIRAN B1-B4	13 - 17

PELAN PERANCANGAN STRATEGIK
PEJABAT SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN,
TAHUN 2016-2020

PENGENALAN

Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman telah ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) pada 2 Februari 2009. Penubuhan Suruhanjaya ini tidak melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan dibuat melalui pengubalan akta Parlimen. Proses yang diperuntukkan di bawah Akta 695 mengenai pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan adalah proses yang mendahului proses pelantikan di bawah Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan.

2. Tujuan penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman adalah bagi memastikan proses pencalonan, pelantikan dan kenaikan pangkat bagi hakim-hakim mahkamah atasan¹ adalah lebih telus serta mengambilkira penglibatan yang lebih menyeluruh. Oleh yang demikian, penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman adalah merupakan langkah pembaharuan badan kehakiman negara dan merupakan satu usaha ke arah meningkatkan integriti institusi tersebut.

FUNGSI SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN

3. Berasaskan subseksyen 21 (1) Akta 695, fungsi-fungsi yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman adalah seperti berikut:

- (i) untuk memilih orang berkeelayakan yang sesuai yang wajar dilantik sebagai hakim mahkamah atasan untuk pertimbangan Perdana Menteri;

¹ Hakim-hakim mahkamah atasan yang dimaksudkan adalah Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi. Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Pindaan) 2010 [Akta A1383] telah memasukkan Pesuruhjaya Kehakiman juga sebagai hakim mahkamah atasan.

- (ii) untuk menerima permohonan daripada orang berkeelayakan bagi pemilihan hakim-hakim ke mahkamah atasan;
- (iii) untuk merumuskan dan melaksanakan mekanisme bagi pemilihan dan pelantikan hakim mahkamah atasan;
- (iv) untuk mengkaji semula dan mengesyorkan program kepada Perdana Menteri bagi memperbaiki pentadbiran keadilan;
- (v) untuk membuat syor lain berkenaan dengan badan kehakiman; dan
- (vi) untuk melakukan apa-apa benda lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

FUNGSI PEJABAT SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN

4. Dalam melaksanakan fungsi Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, Kerajaan telah menubuhkan urus setia kepada Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Urus setia Suruhanjaya) iaitu **Pejabat Setiausaha, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman**² melalui Waran Perjawatan Bilangan A12 Tahun 2009 bertarikh 28 Januari 2009 yang berkuat kuasa pada 1 Februari 2009.

5. Fungsi-fungsi Pejabat Setiausaha, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman adalah untuk:

- (i) mengurus pelantikan anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman di bawah subseksyen 5(1)(e) dan (f) Akta 695;

² Pejabat Setiausaha, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman diketuai oleh Setiausaha, PTD Gred Utama B. Pelantikan dibuat berdasarkan seksyen 19 Akta 695 yang mana Setiausaha adalah dilantik oleh Perdana Menteri.

- (ii) memproses cadangan dan permohonan pemilihan dan pelantikan hakim mahkamah atasan;
- (iii) menyediakan semua dokumen mesyuarat;
- (iv) melaksana keputusan-keputusan Suruhanjaya;
- (v) menyediakan jadual berkala Mesyuarat Suruhanjaya/Mesyuarat Suruhanjaya (Pelantikan Hakim);
- (vi) menyediakan laporan tahunan;
- (vii) melaksana kajian penambahbaikan pentadbiran keadilan;
- (viii) menyediakan memorandum Jemaah Menteri/ maklum balas Mesyuarat Jemaah Menteri; dan
- (ix) membangun dan menyelenggara laman web Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

MISI, VISI DAN OBJEKTIF PEJABAT SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN

6. Berdasarkan fungsi di atas, Urus setia Suruhanjaya telah menetapkan visi, misi dan objektif bagi memastikan fungsi Suruhanjaya dapat dilaksanakan dengan berkesan dan tersusun. **Visi, misi dan objektif** Urus setia Suruhanjaya adalah seperti berikut:

Visi

Menjadi urus setia terbaik dalam urusan pemilihan bagi pelantikan dan pengukuhan profesionalisme hakim-hakim mahkamah atasan.

Misi

Memastikan pemilihan bagi pelantikan dan pengukuhan profesionalisme hakim-hakim mahkamah atasan dilaksanakan secara telus berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa.

Objektif

Melaksanakan fungsi pengurusan pemilihan bagi pelantikan dan pengukuhan profesionalisme hakim-hakim mahkamah atasan dengan cekap, berkesan dan teratur.

7. Dalam memastikan visi, misi dan objektif ini tercapai, **nilai-nilai bersama (*shared values*)** yang diterap di Suruhanjaya ini adalah nilai-nilai **integriti, berilmu, profesional, disiplin, responsif, inovatif dan kreatif** serta **bekerjasama**. Penjelasan terperinci visi, misi, objektif dan nilai-nilai bersama adalah seperti di **Lampiran A1** (Bahasa Melayu) dan **Lampiran A2** (Bahasa Inggeris).

CABARAN DAN ISU-ISU STRATEGIK

8. Sebagai urus setia kepada Suruhanjaya yang masih boleh dianggap sebagai baharu, cabaran dan isu-isu strategik yang perlu dihadapi adalah untuk:

- (i) menjadi sebuah urus setia yang cekap dan telus dalam urusan pemilihan dan pelantikan hakim mahkamah atasan;
- (ii) menambahbaik sistem pentadbiran keadilan;

- (iii) meningkatkan keupayaan dan kecekapan dalam sistem penyampaian kepada *stakeholder* dan pelanggan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman melalui pembangunan sistem ICT; dan
- (iv) merancang, mengesyor dan melaksana program latihan untuk meningkatkan kepakaran dan kualiti hakim-hakim mahkamah atasan dalam bidang perundangan sivil dan jenayah.

9. Objektif strategik yang telah digariskan bagi mencapai matlamat strategi berdasarkan isu-isu yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

- (i) Menambahbaik prosedur sedia ada di samping mewujudkan jalinan hubungan strategik dengan jabatan-jabatan yang terlibat dengan proses pelantikan hakim mahkamah atasan;
- (ii) Mengenalpasti ruang-ruang penambahbaikan di dalam sistem pentadbiran keadilan yang merangkumi aspek kemudahan dan kebajikan hakim dan pengukuhan struktur badan kehakiman;
- (iii) membangun kemudahan sistem ICT secara atas talian dan bersepadu secara *in-house* bagi tujuan pengurusan maklumat yang lebih komprehensif; dan
- (iv) mengenalpasti program latihan yang bersesuaian di luar negara bagi meningkatkan profesionalisme hakim-hakim mahkamah atasan.

TERAS STRATEGI

10. Empat (4) teras strategi telah dikenalpasti sebagai keutamaan dalam memastikan peranan, visi, misi dan objektif Urus setia Suruhanjaya tercapai iaitu:

- (i) Memantap Prosedur Pemilihan Bagi Pelantikan Hakim Mahkamah Atasan;
- (ii) Menambahbaik Pentadbiran Keadilan;
- (iii) Memperkasa Penggunaan ICT Untuk Meningkatkan Keupayaan Dalam Penyampaian Perkhidmatan; dan
- (iv) Memperkukuh Pembangunan Profesionalisme Secara Berterusan.

Teras Pertama: Memantap Prosedur Pemilihan Bagi Pelantikan Hakim Mahkamah Atasan

11. Prosedur pemilihan bukan hanya tertumpu kepada proses pemilihan yang dijalankan tetapi juga perlu dimantapkan dengan menitikberatkan *output* dan *outcome* yang terhasil dari pemilihan tersebut. *Output* yang terhasil adalah calon-calon yang tepat seperti yang digariskan di bawah seksyen 23 Akta 695, iaitu mereka yang mempunyai integriti yang tinggi, berpengetahuan bukan saja dalam aspek perundangan semata-mata malah mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam aspek lain yang berkaitan, mempunyai pengalaman yang luas, sihat tubuh badan fizikal dan mental serta mempunyai sikap yang positif terhadap kerja dan berdisiplin. *Outcome* yang dijangkakan adalah keadilan yang merata yang merupakan matlamat utama (*ultimate goal*) yang perlu dicapai di dalam sistem perundangan negara.

Teras Kedua: Menambahbaik Pentadbiran Keadilan

12. Mencadangkan penambahbaikan pentadbiran keadilan yang merangkumi aspek kemudahan dan saraan hakim. Ini sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Saraan Hakim 1971 (Akta 45). Penambahbaikan pentadbiran keadilan juga perlu dilakukan untuk memperkukuhkan struktur keanggotaan badan kehakiman dengan mengkaji dan mencadangkan pindaan kepada keanggotaan hakim di bawah Perkara 122, 122A dan 122AA Perlembagaan Persekutuan. Ia dilakukan menerusi kaedah yang diperkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Disamping itu, Urus setia Suruhanjaya juga perlu melaksanakan kajian-kajian lain yang berkaitan dengan penambahbaikan pentadbiran keadilan dari semasa ke semasa.

Teras Ketiga: Memperkasa Penggunaan ICT Untuk Meningkatkan Keupayaan Dalam Penyampaian Perkhidmatan

13. Merancang, membangun dan melaksana sistem ICT secara atas talian yang bersepadu dan menyeluruh untuk meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian kepada *stakeholder* dan pelanggan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Ini adalah berdasarkan kepada kajian keperluan kemudahan sistem ICT bagi membantu Urus Setia Suruhanjaya melaksanakan fungsi terasnya berhubung dengan pelantikan dan latihan hakim mahkamah atasan.

Teras Keempat: Memperkukuh Pembangunan Profesionalisme Secara Berterusan

14. Menyedia dan melaksanakan pelan latihan jangka panjang yang lebih terancang dan tersusun bagi memastikan pelan tersebut relevan dan memenuhi keperluan pembangunan profesionalisme hakim-hakim mahkamah atasan.

STRATEGI PELAKSANAAN

15. Dalam memenuhi inspirasi teras tersebut, Urus setia Suruhanjaya perlu merangka pelan pelaksanaan bagi memastikan matlamat strategi tercapai. Strategi pelaksanaan yang telah dikenalpasti adalah seperti di **Lampiran B1**, **Lampiran B2**, **Lampiran B3** dan **Lampiran B4**.

PENUTUP

16. Pelan Perancangan Strategik Pejabat Setiausaha, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman akan dapat memberi panduan dan hala tuju pelaksanaan tugas dan tanggungjawab strategik dalam tempoh lima (5) tahun dari tahun 2016 hingga 2020.

DISEDIAKAN OLEH:

**PEJABAT SETIAUSAHA
SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN**

VISI, MISI, OBJEKTIF DAN NILAI-NILAI BERSAMA

Visi	
Menjadi urus setia terbaik dalam urusan pemilihan bagi pelantikan dan pengukuhan profesionalisme hakim-hakim mahkamah atasan.	
Misi	
Memastikan pemilihan bagi pelantikan dan pengukuhan profesionalisme hakim-hakim mahkamah atasan dilaksanakan secara telus berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa.	
Objektif	
Melaksanakan fungsi pengurusan pemilihan bagi pelantikan dan pengukuhan profesionalisme hakim-hakim mahkamah atasan dengan cekap, berkesan dan teratur.	
Nilai-Nilai Bersama	
Integriti	Melaksanakan tugas berasaskan etika kerja cemerlang dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.
Berilmu	Mengamalkan pembelajaran berterusan dan membudayakan perkongsian ilmu.
Profesional	Beriltizam dan proaktif dalam memberi perkhidmatan yang cekap, berkesan dan melebihi jangkaan yang ditetapkan.
Disiplin	Menepati masa dan mematuhi peraturan.
Responsif	Peka kepada kehendak <i>stakeholder</i> dan pelanggan.
Inovatif dan Kreatif	Berusaha ke arah penambahbaikan sejajar dengan objektif organisasi.
Bekerjasama	Saling membantu dalam melaksanakan tugas.

VISION, MISSION, OBJECTIVE AND SHARED VALUES

Vision	
<i>To be the best Secretariat in the selection for appointment and professional development of superior court judges.</i>	
Mission	
<i>To ensure that the selection for appointment and professional development of superior court judges is conducted in a transparent manner according to the law.</i>	
Objective	
<i>To perform the function of managing the professional development and selection for appointment of superior court judges efficiently, effectively and orderly.</i>	
Shared Values	
<i>Integrity</i>	<i>To perform duties with trust and responsibility based on outstanding work ethics.</i>
<i>Knowledgeable</i>	<i>Inculcating a spirit of continuous learning and a culture of knowledge sharing.</i>
<i>Professional</i>	<i>Committed and proactive in providing efficient and effective service beyond expectations.</i>
<i>Discipline</i>	<i>Keeping time and observing rules and regulations.</i>
<i>Responsive</i>	<i>Alert to the needs of stakeholders and clients.</i>
<i>Innovative and Creative</i>	<i>Striving to improve in line with organizational objectives.</i>
<i>Cooperation</i>	<i>Working together in the execution of duties.</i>

Strategi PelaksanaanTeras Pertama: Memantap Prosedur Pemilihan Bagi Pelantikan Hakim Mahkamah Atasan

STRATEGI	AKTIVITI / PROGRAM	SASARAN / OBJEKTIF	MASA	TANGGUNG JAWAB	PETUNJUK PRESTASI
Memantap Proses Pemilihan Bagi Pelantikan Hakim Mahkamah Atasan	<i>Menyemak semula peraturan-peraturan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman</i>	<ul style="list-style-type: none"> i. <i>Mengenalpasti peraturan-peraturan yang perlu dipinda</i> ii. <i>Menyediakan kertas dasar untuk pertimbangan Suruhanjaya dan Jemaah Menteri</i> iii. <i>Mengemaskini carta aliran kerja:</i> <ul style="list-style-type: none"> a. <i>Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Rayuan</i> b. <i>Hakim Mahkamah Tinggi</i> iv. <i>Menyediakan carta aliran kerja Pesuruhjaya Kehakiman</i> 	<i>Januari hingga Jun 2016</i>	<i>TSU KPSU(R)</i>	<ul style="list-style-type: none"> i. <i>Pewartaan</i> ii. <i>Carta aliran kerja</i> <ul style="list-style-type: none"> a. <i>Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Rayuan</i> b. <i>Hakim Mahkamah Tinggi</i> c. <i>Pesuruhjaya Kehakiman</i>

STRATEGI	AKTIVITI / PROGRAM	SASARAN / OBJEKTIF	MASA	TANGGUNG JAWAB	PETUNJUK PRESTASI	
Meningkatkan Kepelbagaian Pengumpulan Maklumat Prestasi Hakim Mahkamah Atasan	i.	Mendapatkan maklumat daripada PMR, HBM dan HBSS	Maklumat prestasi yang tepat	2016 hingga 2020	SU	Calon-calon yang terbaik yang dikemukakan untuk dipilih oleh Suruhanjaya
	ii.	Menganalisis laporan prestasi tahunan hakim-hakim yang berkaitan				
	iii.	Mendapatkan maklumbalas secara langsung daripada fasilitator-fasilitator kursus Akademi Kehakiman				

Strategi PelaksanaanTeras Kedua: Menambahbaik Pentadbiran Keadilan Kehakiman

STRATEGI	AKTIVITI / PROGRAM	SASARAN / OBJEKTIF	MASA	TANGGUNG JAWAB	PETUNJUK PRESTASI
Melaksanakan kajian penambahbaikan pentadbiran keadilan	<i>Kajian proses pemilihan hakim mahkamah atasan</i>	<i>Peningkatan kualiti dan prestasi.</i>	2016 hingga 2020	SU TSU KPSUK(L) KPSU(R)	<i>Laporan prestasi bulanan hakim mahkamah atasan.</i>
Mengkaji dan mencadangkan pindaan kepada keanggotaan hakim	<i>Kajian mengenai pindaan kepada keanggotaan hakim di bawah Perkara 122, 122A, 122AA Perlembagaan Persekutuan menerusi kaedah yang diperkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong</i>	<i>Keanggotaan hakim adalah mencukupi mengikut kes-kes yang didaftarkan.</i>	2016 hingga 2020	SU TSU KPSUK(L) KPSU(R)	<i>Pewartaan Perintah oleh Yang di-Pertuan Agong.</i>
Mengkaji saraan hakim sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Saraan Hakim 1971 (Akta 45)	<i>Kajian mengenai gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan hakim mahkamah atasan</i>	<i>Gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan hakim setimpal dengan beban tugas dan tanggungjawab</i>	2016 hingga 2020	SU TSU KPSUK(L) KPSU(R)	<i>Pewartaan Pindaan Akta Saraan Hakim 1971 (Akta 45)</i>

Strategi PelaksanaanTeras Ketiga: Memperkasa Penggunaan ICT Untuk Meningkatkan Keupayaan Dalam Penyampaian Perkhidmatan

STRATEGI	AKTIVITI / PROGRAM	SASARAN / OBJEKTIF	MASA TANGGUNG JAWAB	PETUNJUK PRESTASI	
Pembangunan sistem secara dalaman	<i>Menganalisis, merancang, merekabentuk dan membangunkan sistem yang telah dikenalpasti</i>	i. <i>Sistem pengurusan maklumat biodata hakim</i>	2016 hingga 2020	TSU KPSUK(L) PPTM	<i>Statistik dan laporan</i>
		ii. <i>Sistem pengurusan minit mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman</i>	2016 hingga 2020		
		iii. <i>"Knowledge bank"</i>			
		iv. <i>Sistem pengurusan fail</i>	2017 hingga 2020 2018 hingga 2020		
Membangunkan aplikasi atas talian	<i>Menganalisis, merancang, merekabentuk dan membangunkan sistem yang telah dikenalpasti</i>	<i>e-Mohon Pesuruhjaya Kehakiman</i>	2016 hingga 2020	TSU KPSU(R) PPTM PK (TSU)	<i>Biodata pemohon</i>

Strategi Pelaksanaan**Teras Keempat: Memperkukuh Pembangunan Profesionalisme Secara Berterusan**

STRATEGI	AKTIVITI / PROGRAM	SASARAN / OBJEKTIF	MASA	TANGGUNG JAWAB	PETUNJUK PRESTASI
Memantap program latihan	Mengenalpasti latihan-latihan yang akan dikendalikan dari semasa ke semasa	Menganjurkan latihan-latihan dalaman yang berkaitan bagi memenuhi keperluan dari semasa ke semasa Penganjuran bersama latihan dengan Bahagian Latihan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan	2016 hingga 2020	TSU KPSUK(L)	Bilangan latihan yang dilaksanakan
Mewujudkan senarai tenaga pengajar pakar	Mengenalpasti tenaga pengajar pakar dalam dan luar negara	Senarai komprehensif tenaga pengajar pakar	2016 hingga 2020	TSU	Daftar senarai tenaga pengajar pakar
Mengadakan kerjasama dengan institusi latihan kehakiman/agensi berkaitan	Mengenalpasti institusi yang bersesuaian	Mewujudkan kerjasama pintar	2016 hingga 2020	TSU KPSUK(L)	Wujud kerjasama